



Sultan Sharafuddin berkenan melawat Unit Regional Emergency Stroke Quick Response (RESQ) dan tapak pameran HPUPM ketika merasmikan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), UPM, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

## ‘Pastikan khidmat kesihatan dapat dinikmati rakyat’

**Sultan Selangor harap golongan kurang mampu tidak dilupakan**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Serdang:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah percaya pembabitian secara aktif sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau individu akan dapat membantu memastikan perkhidmatan kesihatan yang kini menelan kos tinggi, dapat dinikmati semua lapisan masyarakat.

Baginda mengakui, kos rawatan kesihatan yang tinggi kini menjadi cabaran utama dihadapi institusi kesihatan, termasuk hospital.

“Bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik, cepat dan berkesan, pihak hospital akan menggunakan peralatan perubatan yang canggih dan berteknologi tinggi serta ubatan terbaik yang membabitkan kos tinggi.

“Ini akan memberi kesan kepada golongan rakyat yang kurang berkemampuan. Beta berharap golongan ini tidak sama sekali dilupakan,” titah baginda ketika merasmikan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini semalam.

HSAAS dulunya Hospital Pengajar UPM (HPUPM) dinamakan semula sempena Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang juga Canselor pertama universiti berkenaan.

### Serah sumbangan

Pada majlis itu, Sultan Selangor turut berkenan menyerahkan sumbangan Dana Wakaf Ambulans sebanyak RM100,000 oleh Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM kepada pengurusan HSAAS.

Baginda juga berharap kerajaan, sama ada melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mahupun Kementerian Kesihatan (KKM) akan mencari formula keseimbangan, bekerjasama erat sebagai satu pasukan yang kukuh untuk mengurangkan beban masalah yang dihadapi rakyat.

“Titik keseimbangan perlu dibangunkan supaya kemajuan pe-

sat bidang perubatan dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat,” titah Sultan Selangor.

Mengenai HSAAS, Sultan Sharafuddin menyarankan pihak pengurusan turut menubuhkan tabung waqaf dan tabung kebajikan pesakit sebagai usaha membantu golongan yang memerlukan menerima rawatan serta menampung kos rawatan berka-

“Beta percaya rakyat Malaysia adalah warga yang prihatin dan memiliki sifat penyayang serta sikap saling membantu yang tinggi. Kita harus terus berusaha dengan gigih bagi meningkatkan sumbangan ke tabung ini untuk membantu mereka yang memerlukan.

“Dengan adanya sumber kewangan yang pelbagai itu, hospital ini bukan sahaja dapat memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat, tetapi juga dapat meningkatkan penyelidikan klinikal secara inklusif.

“Selain itu, melatih pelajar program perubatan dan ijazah sarjana perubatan bagi menghasilkan pakar yang memberi impak bermakna kepada masyarakat global,” titah baginda.